

NO SOALAN :72**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING
(BINTULU)****PERTANYAAN : LISAN****TARIKH : 07.08.2017**

Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

(a) adakah Kerajaan mempertimbangkan untuk melupuskan caj perkhidmatan yang dikenakan oleh syarikat Touch n Go kerana ini adalah bertentangan dengan galakan terhadap pengguna untuk menggunakan kad Touch n Go untuk perkhidmatan seperti tempat-tempat parkir kereta dan sebagainya ; dan

(b) apakah cara agihan kutipan caj perkhidmatan tersebut dan siapakah pihak yang menerima kutipan caj perkhidmatan serta berapa banyakkah rakyat Malaysia yang sedang menggunakan kad Touch n Go sehingga kini .

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, caj perkhidmatan bagi penggunaan kad *Touch 'n Go* (TnG) dikenakan oleh penyedia perkhidmatan seperti pengendali tempat letak kereta untuk menanggung kos pengendalian dan pengurusan fasiliti serta sistem TnG di lokasi-lokasi yang menawarkan kemudahan penggunaan kad TnG. Kos ini juga meliputi kadar diskaun peniaga yang dikenakan oleh TnG ke atas pengendali tempat letak kereta. Walau bagaimanapun, terdapat pengendali tempat letak kereta yang memilih untuk tidak mengenakan caj perkhidmatan TnG dan menanggung keseluruhan kos yang berkaitan. Dalam hal ini, Bank Negara Malaysia (BNM) sentiasa menyarankan TnG supaya mencapai kata sepakat bagi mendapatkan persetujuan daripada pihak penyedia perkhidmatan seperti pengendali tempat letak kereta untuk menyerap kos penyediaan dan penyelenggaraan sistem TnG. Walau bagaimanapun, keputusan untuk mengenakan caj perkhidmatan bagi penggunaan kad TnG adalah tertakluk kepada penilaian dan budi bicara penyedia perkhidmatan.

Caj perkhidmatan bagi penggunaan kad TnG yang dikenakan oleh penyedia perkhidmatan seperti pengendali tempat letak kereta tidak

diagihkan kepada pihak-pihak lain. Ia digunakan oleh penyedia perkhidmatan untuk menanggung kos pengendalian dan pengurusan fasiliti serta sistem TnG. Setakat ini, terdapat 6,924,034 orang pengguna kad TnG yang aktif di Malaysia.